

KESAN AGIHAN ZAKAT (BANTUAN JAYADIRI) TERHADAP PENINGKATAN TARAF HIDUP GOLONGAN MISKIN DI NEGERI KEDAH

Raden Mohd Ngisomuddin Masduki
Dr. Hj Kamis Hj Ismail
Prof. Madya Wan Zulkipli Wan Salleh
Prof. Madya Mohd Shabri Hj. Ismail
Osman Hj Abd Hamid
Universiti Teknologi MARA, Kedah

ABSTRAK

Berdasarkan data dari tahun 2000 hingga 2003, Jabatan Zakat Negeri Kedah telah mengagihkan sejumlah lebih daripada RM27 juta kepada semua asnaf (golongan yang berhak menerima zakat) yang memenuhi syarat. Agihan kepada golongan miskin berjumlah RM16.4 juta (60.3%) daripada agihan keseluruhan. Di bawah asnaf miskin, Jabatan Zakat Negeri Kedah membahagikannya kepada lima kategori bantuan iaitu kepada orang miskin, pelajar miskin, penuntut IPT, Bantuan Jayadiri dan pengkebumian orang miskin. Daripada lima kategori ini hanya Bantuan Jayadiri sahaja yang dipilih untuk dibuat kajian. Agihan kepada golongan ini berjumlah RM59,101.00 dalam tempoh tersebut. Kajian mengenai agihan zakat dalam bentuk Bantuan Jayadiri, setakat ini belum lagi dilakukan di Negeri Kedah. Sejumlah 36 orang penerima zakat bantuan jayadiri untuk tempoh tersebut menjadi responden kajian ini. Jenis-jenis bantuan yang diberikan berupa mesin jahit, mesin rumput, modal perniagaan, oven pembakar kuih, mesin proses santan dan perahu. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti sejauh mana agihan zakat dalam bentuk Bantuan Jayadiri dapat menyumbang ke arah peningkatan taraf hidup golongan miskin. Hasil kajian mendapati bahawa sebahagian besar penerima berjaya merubah diri dan keluarga keluar dari garis kemiskinan. Cadangan kepada pihak Jabatan Zakat Negeri Kedah agar dapat memperluaskan lagi bantuan jayadiri kepada lebih ramai penerima dengan cara yang lebih efisien dan sistematik.

Kata kunci: Agihan Zakat, Bantuan Jayadiri, Jabatan Zakat Negeri Kedah dan Zakat

PENDAHULUAN

Dari tahun 2000 hingga 2003, Jabatan Zakat Negeri Kedah telah mengagihkan sejumlah lebih daripada RM27 juta kepada semua asnaf yang berhak menerima zakat. Agihan kepada golongan miskin berjumlah RM16.4 juta atau 60.3% dari keseluruhan. Di bawah asnaf miskin, Jabatan Zakat Negeri Kedah membahagikannya kepada lima kategori bantuan iaitu bantuan kepada orang-orang miskin, penuntut-penuntut miskin, penuntut-penuntut institut pengajian tinggi, bantuan jayadiri dan pengkebumian orang-orang miskin. Dari lima kategori ini hanya bantuan jayadiri sahaja yang dipilih untuk dibuat kajian dengan agihan berjumlah RM59,101 untuk tahun 2000 hingga 2003. Fokus kajian adalah kesan bantuan jayadiri terhadap peningkatan taraf hidup penerima.

Objektif utama kajian adalah untuk mengenalpasti samada agihan zakat negeri Kedah dapat menyumbang ke arah pengurangan masalah kemiskinan dan memberi cadangan tentang bentuk bantuan jayadiri yang sesuai dengan penerima. Kajian ini hanya meliputi agihan oleh Jabatan Zakat Negeri Kedah pada tahun 2000 hingga 2003 yang berkaitan dengan agihan zakat dalam bentuk Bantuan Jayadiri. Semua isu berkaitan dengan kajian adalah mengikut sepenuhnya definisi yang digunapakai oleh Jabatan Zakat Negeri Kedah.

KONSEP ZAKAT

Zakat, adalah nama atau sebutan dari sesuatu hak Allah S.W.T. yang dikeluarkan seseorang kepada fakir miskin dan mereka yang berhak menerimanya. Dari segi bahasa, zakat membawa pengertian kebersihan, kesucian, memperbaiki kesuburan dan pertambahan. Ditinjau dari segi istilah, zakat membawa maksud mengeluarkan sebahagian dari harta tertentu untuk diberikan kepada orang-orang yang berhak menerimanya apabila telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Dinamakan zakat kerana di dalamnya terdapat harapan untuk beroleh berkat, membersihkan jiwa dan memupuknya dengan pelbagai kebaikan (Sayyid Sabiq, 1987). Allah S.W.T. berfirman: *“... pungutlah zakat daripada sebahagian hartabenda mereka yang membersihkan dan menyucikan mereka...”* (at-Taubah, ayat 103). Zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang lima yang wajib ditunaikan oleh setiap muslim yang memiliki harta yang cukup nisab dengan syarat-syarat yang tertentu (Abu Bakr Jabir al-Jaza'iri, 1996). Allah S.W.T. mewajibkannya melalui kitabNya, sunnah rasulNya dan melalui ijma' (Sayyid Sabiq, 1987). Allah S.W.T. berfirman yang bermaksud: *“...dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat...”* (al-Nisa' ayat 77). Zakat mulai diwajibkan pada tahun kedua Hijrah. (H. Sulaiman Rasjid, 1954).

Zakat merupakan rukun Islam yang ketiga yang berkaitan langsung dengan harta dan pengurusan harta dalam Islam. Perkara ini dijelaskan oleh Imam Muslim dalam sebuah hadith yang agak panjang yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. iaitu apabila Sayyidina Umar ibn al-Khattab r.a. tidak bersetuju dengan tindakan Sayyidina Abu Bakr al-Siddiq r.a. memerangi orang-orang yang enggan mengeluarkan zakat kerana mereka mengakui tiada tuhan melainkan Allah; lalu Khalifah Islam yang pertama ini secara tegas mengatakan bahawa : *“Demi Allah! Akan aku perangi orang-orang yang membeza-bezakan perintah solat dan zakat. Sesungguhnya zakat itu adalah kewajipan mengenai harta. Demi Allah! Sekalipun mereka hanya enggan memberikan tali unta yang pernah mereka berikan kepada Rasulullah S.A.W., akan aku perangi juga mereka.”*

Imam al-Bukhari dalam Sahihnya menyebut bahawa zakat adalah rukun Islam yang ketiga manakala dalam Sahih Muslim, Imam Muslim juga turut menyatakan bahawa zakat adalah rukun Islam yang ketiga (beliau membawa empat buah hadith tentang perkara ini iaitu dalam kitab al-Iman). Rukun Islam yang ketiga ini antara lain memenuhi salah satu daripada lima tuntutan atau maqasid Syariah iaitu bagi memelihara harta.

Zakat ialah tunggak bagi sistem harta dalam Islam yang merupakan tulang belakangnya kerana sistem harta dalam Islam tegak di atas dasar pengiktirafan Allah S.W.T. semata-mata sebagai pemilik mutlak atau sebenar. Ia adalah sepenting-penting hak yang telah dijadikan hak milik oleh Allah S.W.T. dan yang terpenting dalam harta. Oleh yang demikian, zakat adalah lambang penyerahan diri kepada Allah S.W.T. dalam permasalahan harta secara keseluruhannya. Terdapat lima bentuk harta yang diwajibkan zakat iaitu barang-barang perniagaan, emas dan perak serta wang yang diperbuat daripada kedua-dua bahan ini, tanam-tanaman dan buah-buahan, binatang-binatang ternakan dan bahan-bahan galian serta al-rikaz yang bermaksud benda-benda berharga yang ditemui dalam tanah. (Said Hawwa, 1998)

Kemiskinan adalah ujian Allah S.W.T. kepada umat manusia. Walau bagaimanapun, kekayaan juga merupakan ujian daripada Allah S.W.T. Oleh sebab dunia ini diciptakan Allah sebagai tempat ujian bagi manusia, maka Allah ciptakan bersama kemiskinan dan kekayaan dalam kehidupan manusia dalam bidang ekonomi, malah Allah menjadikan kemiskinan lebih banyak daripada kekayaan atau dalam lain perkataan kemiskinan mengatasi kekayaan. Malah, sebahagian besar daripada mereka terus berada dalam kemiskinan walaupun setelah berusaha sedaya upaya sehingga ke akhir hayat mereka. Untuk menjadi kaya, bukanlah sesuatu yang mudah atau senang. Ada manusia yang terus miskin sepanjang hayat dan tidak pernah merasai nikmat kekayaan sebagaimana yang dinikmati oleh orang-orang yang kaya dan berada.

Allah menciptakan kemiskinan sebagai pasangan kepada kekayaan dan ia adalah antara fitrah hidup manusia. Oleh sebab itu, kemiskinan tidak dapat dihapuskan sama sekali dalam kehidupan manusia walaupun agenda negara dalam bidang ekonomi kerana negara pun boleh jatuh miskin pada bila-bila masa sahaja disebabkan satu faktor atau lebih yang menjadikan seseorang atau negara itu jatuh miskin. Kemiskinan hanya boleh dirawat dan ditangani dengan bijak oleh pengurusan yang bijak lebih-lebih lagi di bawah sistem ekonomi Islam khususnya melalui pengurusan zakat di semua peringkat. Islam menangani dan merapatkan jurang antara orang-orang kaya dengan orang-orang miskin melalui orang-orang yang berhak menerima agihan zakat melalui lapan asnaf yang telah digariskan oleh Islam.

Banyak sekali kesan-kesan positif yang diperoleh melalui pelaksanaan amalan zakat dalam Islam. Satu hal yang perlu diingat dan diberi perhatian yang khusus ialah lima bentuk harta yang wajib dikeluarkan zakat sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini semuanya adalah punca-punca ekonomi yang mempercepatkan seseorang memperoleh harta yang halal melalui kegiatan-kegiatan seperti penternakan, pertanian, perniagaan dan bahan-bahan galian. Antara kesan-kesan yang dapat dikaitkan khususnya yang berkaitan dengan bantuan jayadiri bagi memperbaiki kehidupan manusia dari segi kemasyarakatan, memperbaiki kehidupan manusia dari segi ekonomi, meringankan bebanan orang-orang yang tidak berupaya dan mengurangkan jurang orang-orang kaya dengan orang-orang miskin

Untuk mengatasi masalah kemiskinan, salah satu cara yang disarankan oleh Yusuf Al-Qaradawi dalam bukunya yang bertajuk Kemiskinan dan Cara Islam Mengatasinya, ialah melalui pembangunan zakat. Sebagai sumber dana yang terbesar dalam mengatasi masalah kemiskinan, ajaran Islam telah terbukti mendahului zaman dengan memberi cara penyelesaian masalah kemiskinan melalui zakat. Peranan zakat dalam membangunkan ekonomi ummah sememangnya diakui penting. Secara tidak langsung sama ada kita sedar atau tidak, zakat juga mampu untuk merapatkan jurang kemiskinan yang berlaku pada masa ini. Kita tidak boleh menidakkan bahawa Allah telah menjadikan zakat sebagai jaminan hak-hak fakir miskin dengan menetapkannya sebagai salah satu daripada lima rukun utama dalam Islam. Hakikatnya, konsep zakat untuk merapatkan jurang kemiskinan jelas kerana tidak mahu si kaya terus kaya dan si miskin terus miskin dan hidup melarat. Sebaliknya, si kaya berkongsi sebilangan kecil daripada harta miliknya dengan si miskin agar si miskin menggunakan harta tersebut sebaik mungkin untuk keperluannya.

Sebagai sistem jaminan sosial pertama di dunia, zakat bukanlah sekadar sedekah individu yang dilakukan secara sukarela, sebaliknya ia merupakan peraturan dan disiplin yang mesti

dipatuhi dan dipikul bersama oleh masyarakat Islam. Ini terjadi kerana apabila ada individu dalam masyarakat yang tidak cukup keperluan asasnya seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya, maka menjadi tanggungjawab masyarakat lain untuk peka membantunya. Sabda Rasulullah yang bermaksud: „Tidak beriman kepadaku sesiapa yang tidur kekenyangan sedangkan dia mengetahui jiran di sebelah kelaparan.ö Oleh itu dengan cara pengagihan zakat sahajalah dapat memenuhi keperluan-keperluan mereka yang tersebut. Apabila proses ini berjalan secara konsisten, lama-kelamaan jurang perbezaan dapat dikurangkan. Dengan kata lain, jurang antara orang miskin dan orang kaya dapat dirapatkan apabila hak tersebut dikembalikan kepada mereka yang berhak bagi memastikan ketidakseimbangan dan ketidaksekataan dalam masyarakat Islam dapat diperbetulkan kembali. Inilah yang berlaku semasa zaman Sayyidina Umar bin Abd al-Aziz yang begitu tegas melaksanakan zakat sehingga dikatakan pada zaman itu tiada fakir miskin yang dapat dikesan dalam negara.

Profesor Datuk Dr. Syed Othman al Habshi (1990), bekas Profesor Ekonomi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), yang kini merupakan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR), menegaskan, “pembahagian zakat dapat menambah dan meningkatkan kuasa beli masing-masing. Hal ini amat jelas sekali kerana pada lazimnya, orang-orang miskin tidak berkeupayaan membeli dengan banyak. Pendapatan mereka yang rendah itu, sudah tentu tidak mencukupi untuk menampung keperluan hidup mereka. Dengan ini, kecenderungan mengguna (membeli) di kalangan orang-orang kaya adalah tinggi. Tambahan pula, orang-orang kaya adalah lebih cenderung untuk menggunakan barang-barang mewah dan bukan barang-barang di peringkat hajiyyat. Dengan demikian, harta zakat yang diterima oleh golongan miskin akan membolehkan mereka meningkatkan penggunaan barang-barang daruriyyat dan hajiyyat. Ini akan dapat menggalakkan pengeluaran yang boleh meningkatkan ekonomi negara seluruhnya.”

Jelasnya, zakat telah lama wujud dan berjaya memainkan peranannya sebagai penggerak ekonomi dan kewangan Islam. Malangnya, disebabkan ia tidak berada di dalam mainstream sistem ekonomi, menyebabkannya tidak dianggap penting oleh Ummah sendiri. Begitupun usaha untuk menyedarkan mereka tentang betapa pentingnya memartabatkan zakat sebagai unsur dan sumber utama di dalam sistem ekonomi dan kewangan mestilah diteruskan agar mereka lebih berupaya memahami dan menjiwai konsep zakat dan tasawwurnya secara falsafah amalan. Semoga dengan ini, zakat boleh kembali berperanan sebagai katalis pembangunan Ummah.

BANTUAN JAYADIRI

Jabatan Zakat Negeri Kedah memperuntukkan bantuan jayadiri kepada mereka yang layak dari asnaf fakir dan asnaf miskin dalam bentuk bantuan modal seperti mesin jahit, alat pertukangan, mesin proses air tebu dan lain-lain alat yang diperlukan dan boleh membantu penerima untuk memulakan perniagaan demi memperbaiki taraf ekonomi dan hidup mereka.

Bantuan ini diberi oleh Jabatan Zakat Negeri Kedah untuk meringan dan membantu golongan yang memerlukan serta mempunyai potensi untuk terus maju. Harapan pihak Jabatan agar mereka yang pada mulanya menerima bantuan zakat akhirnya akan menjadi mereka yang membayar zakat seterusnya memberi sumbangan besar kepada fakir miskin yang lain untuk terus maju.

KAEDAH PENYELIDIKAN

Data untuk penyelidikan ini diperolehi daripada sumber asal atau data primer dengan menyediakan satu set borang soal selidik untuk mendapatkan maklumat daripada responden melalui kaedah temubual dan pemerhatian. Sampel yang diguna adalah berdasarkan senarai nama penerima Bantuan Jayadiri bagi tahun 2000 hingga 2003 yang diperolehi daripada Pejabat Zakat Negeri Kedah. Seramai 35 orang responden terdapat dalam senarai penerima bagi tahun 2000 hingga 2002. Sementara itu, 15 orang responden telah dipilih secara rawak daripada senarai 114 orang penerima Bantuan Jayadiri bagi tahun 2003 yang menjadikan jumlah responden seramai 50 orang. Daripada 50 orang responden yang terpilih, 14 orang daripadanya tidak dapat dikesan kerana samada telah berpindah atau meninggal dunia. Oleh itu keseluruhan responden berjumlah 36 orang.

Kesemua data yang telah dikumpul akan dianalisa menggunakan perisian -Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 12.0.1. Statistik perihalan (descriptive statistics) adalah fokus analisa secara terperinci. Ujian keutuhan data (reliability test) Cronbach Alpha telah diguna pakai semasa menganalisa data.

HASIL KAJIAN

Seramai 36 orang responden telah ditemuduga dalam kajiselidik ini, 19(52.8%) orang lelaki dan 17(47.2%) perempuan. Purata umur penerima bantuan ialah 42.8 tahun. Sejumlah RM45,291 diagihkan kepada penerima Bantuan Jayadiri. Responden lelaki menerima 49% dan perempuan 51% dari jumlah keseluruhan bantuan.

Keseluruhan peruntukan diagihkan dalam bentuk yang melibatkan perniagaan seperti modal perniagaan, peralatan perniagaan, mesin jahit dan mesin rumput. Lain-lain bentuk bantuan termasuk mesin proses santan, mesin proses belacan, mesin air tebu dan alat pertanian. Empat soalan merangkumi aspek berikut telah dibina bagi menjawab persoalan berkaitan dengan pandangan responden tentang kesan agihan zakat bantuan jayadiri tersebut dalam::

- i) Meningkatkan taraf hidup mereka
- ii) Menjadi pemangkin (membantu) ke arah meningkatkan pendapatan
- iii) Membantu mengorak langkah bagi meningkatkan pendapatan.
- iv) Masih memerlukan bantuan-bantuan lain dalam rangka meningkatkan taraf hidup selain Bantuan Jayadiri yang terima.

Jadual 1: Agihan Berdasarkan Jenis Bantuan Jayadiri

Jenis	RM	Peratus
Modal Perniagaan	17,190	38%
Peralatan Perniagaan	5,376	11.9%
Mesin Jahit	7,895	17.4%
Mesin Rumput	1,800	4.0%
Mesin Proses Santan	5,400	11.9%
Mesin Proses Belacan	600	1.3%
Mesin Air Tebu	1800	4.0%
Alat Pertanian	1,430	3.2%
Jumlah	45,291	100%

Ujian keutuhan data (reliability test) menggunakan SPSS 12.0.1 dilaksanakan dengan statistik Cronbach Alpha. Nilai Cronbach Alpha ialah 0.652. Jika item 4 di atas tak diambil kira nilai Cronbach Alpha ialah 0.930. Dua nilai, 0.652 dan 0.930 melebihi statistik nilai minimum 0.6 yang ditetapkan. Ini membuktikan wujud konsistent variasi dalaman (internal variations) bagi jawapan yang diberikan oleh responden.

Jadual 2: Skor Purata (Min) Agihan Zakat Bantuan Jayadiri Menyumbang Kepada Pengurangan

Masalah Kemiskinan		Purata(Min)
Perkara		
Bantuan Jayadiri yang diterima dapat mengurangkan masalah kemiskinan anda.		4.00
Bantuan Jayadiri yang diterima menjadi pemangkin (membantu) ke arah meningkatkan pendapatan anda.		4.03
Bantuan Jayadiri membantu mengorak langkah bagi meningkatkan pendapatan anda		4.06
Anda masih memerlukan lain-lain bantuan dalam usaha untuk meningkatkan taraf hidup selain Bantuan Jayadiri yang anda terima		4.28

Skala Likert 5-titik digunakan dalam soal selidik ini bermula dengan skala bernilai 1 (Amat tidak bersetuju) sehingga nilai 5 (Amat bersetuju). Jadual 5 memberikan skor min bagi setiap soalan. Keseluruhan skor menunjukkan responden bersetuju bahawa Bantuan Jayadiri menyumbang kepada pengurangan masalah kemiskinan. Hasil ini mencadangkan bantuan zakat Bantuan Jayadiri perlu diteruskan untuk masa yang akan datang. Walau bagaimanapun, keperluan kepada bantuan lain bagi meningkatkan taraf hidup mempunyai nilai purata tertinggi.

Dari segi pandangan penerima bantuan mengenai tahap perubahan pendapatan penerima zakat. Tiga soalan merangkumi aspek berikut dijawab oleh penerima zakat. Agihan Bantuan Jayadiri yang diterima dapat:

- i) Membantu meningkatkan pendapatan.
- ii) Memenuhi keperluan.
- iii) Mengubah taraf hidup.

Ujian keutuhan data (reliability test) menggunakan SPSS 12.0.1 dilaksanakan dengan statistik Cronbach Alpha. Nilai Cronbach Alpha ialah 0.855. Nilai ini melebihi statistik nilai minimum 0.6 yang ditetapkan.

Jadual 3: Skor Min Tahap Perubahan Pendapatan Penerima Zakat Bantuan Jayadiri

Perkara	Purata(Min)	(Sisihan piawai)
Bantuan Jayadiri yang diterima membantu meningkatkan pendapatan.	4.06	1.145
Bantuan Jayadiri yang diterima memenuhi keperluan.	3.64	1.268
Bantuan Jayadiri telah mengubah taraf hidup anda	3.69	1.167

Skala Likert 5-titik digunakan dalam soal selidik ini bermula dengan skala bernilai 1 (amat tidak bersetuju) sehingga nilai 5 (amat bersetuju). Jadual 7 memberikan skor min bagi setiap soalan. Responden bersetuju bahawa Bantuan Jayadiri membantu meningkatkan pendapatan mereka, dan ia juga memenuhi keperluan serta telah mengubah taraf hidup mereka.

Dari segi perubahan taraf hidup penerima Bantuan Jayadiri, pada pandangan penerima, 79.8% bersetuju bahawa bantuan yang diterima memenuhi keperluan mereka sementara 69.4% berpendapat iannya telah mengubah taraf hidup mereka. 47.2% (17 responden) menyatakan terdapat perbezaan dalam purata pendapatan bulanan mereka setelah menerima bantuan. Nilai minnya ialah RM 323.06 dan σ standard deviation ialah RM 245.39. Perbezaan yang paling minima ialah RM50 dan paling maksimum ialah RM1000.

Jadual 4: Bantuan Jayadiri Memenuhi Keperluan dan Menyumbang Ke Arah Mengubah Taraf Hidup dari Perspektif Penerima.

Perkara	Amat tidak bersetuju (%)	Kurang bersetuju (%)	Tidak bersetuju (%)	Bersetuju dan Amat Bersetuju (%)
Bantuan Jayadiri yang diterima memenuhi keperluan.	5.6	22.2	2.8	79.5
Bantuan Jayadiri telah mengubah taraf hidup anda.	5.6	13.9	11.1	69.4

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Dari rumusan di atas dapat disimpulkan bahawa Skim Zakat (Bantuan Jayadiri) yang dijalankan oleh Pejabat Zakat Negeri Kedah telah berhasil membantu mengatasi masalah ekonomi dan taraf hidup fakir miskin di kalangan umat Islam di Negeri Kedah. Sebahagian besar penerima skim bantuan jayadiri tersebut telah berjaya merubah taraf hidup mereka hasil peningkatan jumlah pendapatan keluarga. Walau bagaimanapun terdapat segelintir dari kalangan penerima gagal memanfaatkan bantuan yang diberikan tidak berupaya dan meningkatkan jumlah pendapatan keluarga. Perkara ini mungkin boleh diatasi dengan menukarkan jenis pemberian bantuan jayadiri yang sesuai dengan minat dan kebolehan mereka.

Pihak Pejabat Zakat Negeri Kedah hendaklah memperluaskan skim ini ke setiap daerah di Negeri Kedah bukan sahaja dari segi pemberian, malahan yang terpenting ialah maklumat tentang skim ini perlu dihebahkan kepada semua lapisan masyarakat dan rakyat negeri ini. Bagi memastikan bahawa golongan sasaran yang berhak dan layak menerima bantuan, maka satu kaedah pemilihan yang lebih telus dan adil hendaklah dilaksanakan. Misalnya dengan menggunakan khidmat pihak-pihak yang tidak mempunyai kepentingan politik seperti para imam dan sebagainya. Setiap calon yang layak hendaklah ditemuduga bagi menentukan bentuk-bentuk bantuan yang sesuai dengan minat, keperluan dan keupayaan mereka dan perlu dipantau dari masa ke semasa bagi memastikan bahawa mereka sentiasa berusaha menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi yang menghasilkan pulangan yang lumayan. Khidmat kepakaran dan kaunseling juga perlu diberikan kepada setiap peserta bagi membantu mereka meningkatkan usaha dan kemahiran yang diperlukan bagi mendatangkan hasil yang lumayan sesuai dengan kebolehan yang mereka miliki.

Disini penyelidik juga ingin mencadangkan supaya satu kajian perbandingan tentang skim ini di lakukan di semua negeri di Malaysia yang menjalankan skim ini. Apa yang diharapkan dengan kajian ini ialah, pengurusan zakat disetiap negeri di Malaysia yang menjalankan skim ini khususnya di Negeri Kedah dapat mempelbagaikan lagi bentuk bantuan zakat jayadiri yang telah berjalan selama ini

RUJUKAN

- Abu Bakr Jabir Al-Jazairi. 1996. *Pedoman Hidup Muslim*. (Ter. Drs. Hasanuddin, Didin Hafidhuddin): Victory Agencie, Kuala Lumpur
- Ahmad, Khurshid (1981). *Economic Development in an Islamic Framework* dlm. Khurshid Ahmad (ed) *Studies in Islamic Economics*, Leicester: The Islamic Foundation, hlm. 171-188.
- al-Habshi, Syed Othman (1990). *Peranan dan Struktur Bayt al-Mal, Zakat dan Wakaf di dalam Konteks Peralihan Arah Strategi Pembangunan Ekonomi Umat Islam*, kertas kerja dibenteng dalam Seminar on Islam and Development anjuran Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

- al-Imam al-Bukhari.2002. *Sahih al-Bukhari*, (terj. H. Zainuddin Hamidy et al.): Darel Fajr Publishing House, Singapura, jld. 1
- al-Imam Muslim.2003. *Sahih Muslim*, (terj. Maømur Daud): Darel Fajr Publishing House, Singapura;, jld. 1
- H. Sulaiman Rasjid. 1981. *Fiqh Islam: Attahiriyah*, Jakarta
- Jabatan Zakat Negeri Kedah, 2008. [http://www.zakatkedah.com/\(22/4/08\)](http://www.zakatkedah.com/(22/4/08))
- Laporan Tahunan Zakat Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman Tahun 2000 ó 2002. t.t. Jabatan Zakat Negeri Kedah.
- Mannan, M.Abdul (1994). *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis*, Bahagian I & II, Kuala Lumpur, Penerbit A.S Noordeen.
- Mohd Yusof al Qardhawi (Prof. Dr.). 1976. *Hukum Zakat – Komparatif Mengenai Status Dan Filsafat Zakat Berdasarkan Quran Dan Hadis*. (Terj. Drs. Salman Harun, Drs. Didin Hafidhuddin dan Drs. Hassanuddin). Cet. 1. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- Sa° d Haww , 1988. *al-Islām*, D r al-Salam li al-Tib °ah wa al- Nashr wa al-Ta_ z wa al-Tarjamah, al-Qahirah, cet. 2
- Sayid Sabiq .1990, *Fikih Sunnah*, (terj. Mahyuddin Syaf): Victory Agencie, Kuala Lumpur